



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Oktober 27, 2014

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

■ ■ | A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM Menang Hadiah Utama Pengurusan Harta Intelek Negara

Oleh Hafliza Hussin



KUALA LUMPUR - Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli hadiah utama Pengurusan Harta Intelek Terbaik bagi kategori organisasi dan membawa pulang wang tunai RM30,000, piala pusingan, piala iringan serta sijil penghargaan.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek, di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Anugerah Harta Intelek Negara anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sebanyak 388 penyertaan diterima untuk anugerah itu tahun ini, yang menyaksikan peningkatan penyertaan daripada kalangan pelajar sekolah.



Sementara itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia merangkul hadiah pertama kategori Paten; My Haiz Sdn Bhd (kategori Cap Dagangan dan Petunjuk Geografi); Universiti Teknologi Mara (kategori Reka Bentuk Perindustrian); Melvin Wong Huang (kategori Hak Cipta); dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kenangan, Johor menjuarai kategori Perekacipta Perekacipta Muda Harta Intelek.

Kesemua mereka membawa pulang hadiah wang tunai, piala atau medal WIPO dan sijil penghargaan.

Pemenang tempat kedua dan ketiga bagi setiap lima kategori itu turut menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.



Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) diperkenalkan pada tahun 2006 sempena sambutan Hari Harta Intelek Negara. AHIN merupakan pengiktirafan kepada perekacipta / pencipta atas sumbangan harta intelek mereka dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Sebanyak enam (6) kategori anugerah dipertandingkan iaitu Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik), Paten, Cap Dangan dan Petunjuk Geografi, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, dan Perekacipta Muda Harta Intelek.
